

22/06/2001

Umno berhak beli saham syarikat

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun Umno tidak mempunyai kaitan dengan syarikat tertentu, ia berhak membeli saham-sahamnya seperti orang lain.

Beliau yang ditanya sama ada akan berlaku perubahan dalam pengurusan kanan syarikat berkaitan Umno seperti Renong berikutan peletakan jawatan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan dan Bendahari parti, berkata syarikat berkenaan tidak mempunyai kaitan dengan Umno.

"Tidak... saya tidak lihat ia berkait dengan Umno. Tetapi Umno mempunyai hak untuk membeli saham seperti orang lain," katanya pada sidang akhbar selepas hari pertama Perhimpunan Agung Umno ke-55, petang ini.

Ditanya sama ada mesyuarat Majlis Tertinggi semalam membincangkan mengenai pengganti Daim sebagai Bendahari parti itu, Dr Mahathir berkata, ia tidak dibincangkan.

"Insya-Allah jika kita ada masa nanti kita akan tumpu kepada perkara itu," katanya.

Mengenai pembelian saham Nanyang Press Holdings Bhd (Nanyang) oleh cabang pelaburan MCA, Huaren Management Sdn Bhd (Huaren), Perdana Menteri berkata, ia adalah urusan dalaman MCA dan parti itu mempunyai hak untuk membeli saham syarikat akhbar itu.

"Jika ada parti (politik) mahu mengambil alih mana-mana akhbar, tiada undang-undang di negara ini yang mengatakan parti politik tidak boleh mengambil alih sebuah akhbar," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, beliau ada memberitahu kepimpinan parti itu bahawa pengambilalihan itu mungkin menimbulkan reaksi kurang senang sesetengah pihak.

"Tetapi MCA menyatakan dengan jelas bahawa mereka bersedia untuk menjual semula saham berkenaan. Oleh itu, saya tidak nampak mengapa timbulnya rasa kurang senang terhadap pembelian berkenaan.

"Mereka bersedia untuk menjualnya (saham Nanyang) semula. Memang hari ini mereka mengambil alih (Nanyang) tetapi ia tidak bermakna mereka akan menyimpannya," katanya.

Mengenai laporan akhbar Cina yang memetik Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik sebagai berkata, Perdana Menteri memberi kebenaran pembelian saham Nanyang, Dr Mahathir menjelaskan, beliau berbuat demikian kerana soal membeli dan menjual adalah hak parti itu.

(END)